

15 MAY 1996
LEAD Mahkamah-Yong
YONG DIDENDA RM1,000, LAYAK JADI KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 13 Mei (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee hari ini mengaku bersalah terhadap tuduhan pindaan mengambil bahagian dalam perarakan haram dan didenda RM1,000, membuka jalan baginya dilantik sebagai Ketua Menteri.

Empat yang lain yang didakwa bersamanya juga mengaku bersalah terhadap tuduhan pindaan.

Kesemua mereka membayar denda.

Majistret Anita Harun mendenda Yong, Anggota Parlimen Gaya Philip Yong Chiew Lip serta tiga peniaga Awang Lamin Deramin, Peter Wong Kui Sing dan Akmat Umal Basah RM1,000 seorang mengikut Seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu menyebut: "Sesiapa yang menjadi anggota perhimpunan haram, boleh dihukum penjara bagi satu tempoh sehingga enam bulan, atau denda, atau kedua-duanya sekali."

Mereka pada mulanya didakwa mengikut Seksyen 27(5) Akta Polis kerana mengambil bahagian dalam perarakan haram melalui Jalan Gaya, pada 11 Okt, 1990, semasa mengiringi Philip Yong untuk mengemukakan borang pencalonannya sebagai calon Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya umum untuk kawasan Gaya.

Kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 27(8) akta itu yang membawa denda minimum RM2,000 dan penjara sehingga setahun, jika sabit kesalahan.

Mengikut perlembagaan persekutuan dan negeri, denda RM2,000 akan melucutkan keanggotaan Yong dalam Dewan Undangan Negeri.

Yong, yang juga Presiden SAPP dan Menteri Kewangan, juga pada mulanya menghadapi tuduhan mengikut Seksyen 27(4) akta yang sama kerana mengingkari perintah polis supaya bersurai pada perarakan itu pada tempat dan masa yang sama.

Tuduhan itu di bawah Seksyen 27(8) akta yang sama menetapkan denda tidak kurang daripada RM2,000 tetapi tidak melebihi RM10,000 dan penjara sehingga setahun.

Kes itu menarik perhatian umum kerana kedudukan Yong dan Philip Yong boleh terjejas mengikut perlembagaan persekutuan dan negeri yang menetapkan seseorang Anggota parlimen dan anggota dewan undangan negeri akan hilang kelayakan masing-masing jika didenda sekurang-kurangnya RM2,000.

Dengan keputusan ini, Yong tidak hilang keanggotaannya dalam Dewan Undangan Negeri dan membuka jalan baginya menjadi Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran jawatan itu di antara Bumiputera Muslim, Cina dan Bumiputera bukan Muslim.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mei menyatakan Yong merupakan orang yang akan menggantikan Datuk Salleh Said Keruak mengikut sistem penggiliran itu.

Yong, yang ketika perarakan ialah Timbalan Presiden PBS, meninggalkan parti itu berikutan satu krisis kepimpinan sebelum pilihan raya negeri Februari 1994 untuk menubuhkan Parti Maju Sabah (SAPP) bersama-sama Philip Yong, yang mengekalkan kerusi Gaya pada pilihan raya umum tahun lepas.

SAPP menganggotai Barisan Nasional (BN) sebelum pilihan raya negeri 1994.

Perbicaraan ini telah separuh jalan dan dijadual bersambung semula pada 21 Mei setelah ditangguhkan pada 26 April kerana keuzuran Anita.

Empat saksi polis termasuk bekas Ketua Daerah Polis Kota Kinabalu Kamaruddin Alias telah memberi keterangan dalam kes ini.

Pada permulaan perbicaraan hari ini, Peguam Kanan Persekutuan Datuk Abdul Gani Patail, yang dibantu Timbalan Pendakwaraya Azahar Mohamad, memohon kepada Anita untuk meminda tuduhan terhadap kelima-lima tertuduh.

Pindaan itu dikemukakan tanpa memberi sebarang alasan, dan dibenarkan Anita.

Dengan hukuman denda RM1,000 itu, Yong masih layak mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri Likas dan kedudukannya dalam kabinet negeri sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan.

Peguam Yong, Clement Skinner dalam rayuannya memohon supaya Yong dan empat yang lain dibebaskan atau dikenakan denda rendah kerana perarakan yang disertai ramai penyokong calon pada pilihan raya merupakan satu perkara biasa.

"Malahan amalan mengadakan perarakan ke pusat penamaan calon pada hari penamaan calon di Sabah menjadi kelaziman sehinggakan peserta perarakan sepatutnya boleh dimaafkan jika pada tanggapannya tidak menjadi kesalahan untuk mengambil bahagian," katanya.

Skinner berkata fakta kes menunjukkan bahawa kesalahan itu tidak memerlukan hukuman penjara atau hukuman yang berat tetapi sebaliknya mahkamah harus membenarkan Yong peluang untuk kekal sebagai anggota aktif masyarakat dan terus memimpin partinya.

Gani berkata beliau menyerahkan kepada mahkamah untuk menentukan hukuman dengan mengambil kira kesalahan yang dilakukan mengikut Seksyen 143 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara sehingga enam bulan.

Keputusan mahkamah itu mengakhiri usaha-usaha berterusan Yong dan rakan-rakannya untuk membatalkan kes itu ataupun dibicarakan di mahkamah lebih tinggi sejak didakwa pada 21 Dis, 1990 di Mahkamah Majistret.

Mereka pada Mei 1992 mencabar di Mahkamah Tinggi kuasa Mahkamah Majistret untuk mendengar kes itu dan pada masa yang sama memohon perisytiharan Mahkamah Tinggi bahawa Akta Polis 1967 (Semakan 1988) bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Pada 15 Sept tahun yang sama, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Syed Ahmad Iddid Syed Abdullah menolak permohonan mereka dan mengarahkan kes itu terus didengar di Mahkamah Majistret.

Semasa kes itu didengar di hadapan Majistret Steve Ritikos pada 20 Julai, 1993, mereka memohon kepada mahkamah supaya tidak mendengar kes itu dengan alasan ia bertentangan dengan proses kehakiman.

Ritikos bagaimanapun memutuskan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa untuk menolak daripada mendengar kes itu dan Yong serta rakan-rakan sekali lagi membawa kes itu ke Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan semakan perundangan berhubung keputusan Mahkamah Majistret itu dan memohon supaya perintah melarang dikeluarkan kepada Mahkamah Majistret supaya tidak mendengar kes itu.

Pada 14 Nov, 1994, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Suleiman Hashim mengekalkan keputusan Ritikos dan pada 7 Dis, 1994, mereka mengemukakan rayuan terhadap keputusan Suleiman di Mahkamah Rayuan.

Apabila Mahkamah Rayuan turut menolak rayuan itu, mereka kemudian membawa kes itu ke Mahkamah Persekutuan yang juga menolak rayuan mereka pada 16 April tahun ini serta membenarkan kes itu dibicarakan di Mahkamah Majistret.

-- BERNAMA

OPP JS AHH